



**TEKS UCAPAN**  
**YBRS. DR ROSLI BIN DARMAWAN**  
**TIMBALAN KETUA PENGARAH PROGRAM PENYELIDIKAN DAN**  
**PEMBANGUNAN TEKNOLOGI**  
**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN**  
**NUKLEAR MALAYSIA**  
**BAGI BULAN JULAI**

**TARIKH:**  
**28 JULAI 2023**

**TEMPAT:**  
**DEWAN TUN DR. ISMAIL (DTI) & DALAM TALIAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalammu'alaikum W.B.T. dan Salam Sejahtera,

Terima kasih pengacara majlis pada pagi ini;  
Saudara Mustapha Akil dan Dr. Asma Aris.

**YBRS. DR. MUHAMMAD RAWI BIN MOHAMED ZAIN**  
Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

**YBRS. Ts. DR. ISHAK BIN MANSOR**  
Pengarah Kanan Program Pengkomersilan

**YBRS. DR. FARIDAH BTE MOHAMAD**  
Pengarah Kanan Program Pengurusan

**YBRS. Ts. DR. AZHAR BIN MOHAMAD**  
Pengarah Bahagian Agroteknologi dan Biosains  
selaku tuan rumah bagi Majlis Perhimpunan Pagi pada bulan ini

Pengarah-pengarah Bahagian, pengurus-pengurus,

Para penyelidik seterusnya warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi  
sekalian,

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T, atas izin dan limpah kurnianya, dapat sekali lagi kita bersama-sama pada pagi ini mengimarahkan Perhimpunan Pagi Bil. 5/2023 yang dianjurkan oleh Bahagian Agroteknologi dan Biosains (BAB) dengan membawa slogan **“Hijrah Diri, Ke Arah Malaysia Madani”** sebagai tema yang dipilih pada perhimpunan kali ini bersempena bulan Muharram, 1445 H.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga Nuklear Malaysia yang istiqomah hadir di perhimpunan pagi ini secara fizikal dan hibrid.

## **KONSEP MAAL HIJRAH**

**Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian.**

3. Alhamdulillah, sambutan Hari Raya Aidiladha pada 29 Jun 2023 bersamaan 10 Zulhijjah 1444H yang lalu dapat di sambut sekali lagi oleh seluruh umat Islam. Justeru, masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Salam Aidiladha kepada seluruh warga Nuklear Malaysia yang beragama Islam.

4. Pada 19 Julai 2023 bersamaan 1 Muharram 1445H baru- baru ini pula, merupakan hari di mana umat islam menyambut sambutan Maal Hijrah. Oleh itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Salam Maal Hijrah kepada warga Nuklear Malaysia yang beragama Islam dengan serangkap pantun:

*Dari Mekah ke Kota Madinah,  
Umat Islam melakar penghijrahan,  
Hijrah lambang perpaduan ummah,  
Bersatu hati membentuk perpaduan*

5. Secara asasnya, sambutan Maal Hijrah disambut sebagai tanda memperingati peristiwa Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat yang berhijrah dari Makkah ke Madinah. Namun, konsep Hijrah tidak hanya terhad kepada perpindahan dari suatu tempat ke tempat yang lain, malah boleh juga dilihat dari konteks yang lebih luas sebagai satu perubahan dan pengorbanan dari satu keadaan yang kurang baik kepada keadaan yang lebih baik. Maka satu iktibar yang boleh kita ambil ialah kita seharusnya berhijrah ke tahap yang lebih baik dari sekarang.
6. Oleh itu, sebagai penjawat awam konsep penghijrahan ini perlu dihayati dan diterapkan dalam konteks perubahan yang perlu ada dalam diri penjawat awam semasa melaksanakan tanggungjawab melalui penerapan amalan nilai-nilai murni.

7. Ini kerana kekuatan sesuatu institusi itu terletak bukan sahaja kepada struktur organisasi yang teguh, sistem ICT dan peralatan yang canggih, tetapi juga kepada modal insannya. Malah aset terpenting sesebuah institusi adalah sumber manusia kerana jatuh bangun sesebuah institusi bergantung sepenuhnya kepada kualiti sumber manusianya.
8. Sejernih-jernih air, kalau melalui pembuluh yang kotor, tentu kotor juga. Begitu jugalah sesuatu institusi itu, tanpa integriti dan etika kerja yang betul di dalam sesebuah institusi, ia hanya akan membawa kepada pembaziran masa, sumber dan tenaga sekaligus menyebabkan sasaran yang dirancang tidak akan tercapai. Oleh itu penting untuk diterapkan etika kerja yang baik serta sifat amanah dan jujur dalam setiap pekerjaan yang dilakukan.
9. Justeru, saya menyeru kepada semua penjawat awam untuk kita sama-sama berubah dan berusaha untuk berhijrah dari keadaan yang kurang baik kepada keadaan yang lebih baik dengan mengamalkan nilai-nilai murni bagi membentuk kualiti kerja yang mantap sekaligus membawa agensi kita ke arah kecemerlangan.

## **UCAPAN TAHNIAH KEPADA PENGARAH BAS DAN KAKITANGAN BAHARU**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada YBrs. Dr. Rahman bin Yaccup atas pelantikan sebagai Pengarah Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar (BAS) berkuatkuasa mulai 26 Jun 2023 menggantikan arwah Dr. Kamarudin Bin Samuding yang telah meninggalkan kita ke negeri abadi. Diharap dengan pelantikan YBrs. Dr. Rahman bin Yaccup ini akan dapat membantu untuk menyumbang usaha dengan penuh komitmen dan terus membawa kecemerlangan Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar (BAS) khususnya dan Nuklear Malaysia amnya.
  
11. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Datang dan tahniah kepada semua warga kerja baharu lantikan sesi 2023 yang telah melapor diri di Agensi Nuklear Malaysia. Perjalanan Tuan/Puan masih jauh, oleh yang demikian saya meletakkan harapan yang tinggi agar Tuan/Puan dapat menjalankan tugas dengan penuh disiplin, amanah dan bertanggungjawab demi memastikan kecemerlangan tugas sebagai penjawat awam tercapai.

## **UCAPAN SELAMAT KEMBALI KEPADA WARGA NUKLEAR YANG MENERJAKAN HAJI**

12. Baru-baru ini, sebilangan warga Nuklear baru sahaja kembali ke tanah air setelah selesai mengerjakan ibadah haji di tanah suci pada bulan yang lepas, termasuklah YBrs. Ts. Dr Azhar Bin Mohamad. Saya turut ingin mengucapkan selamat pulang kepada Haji dan Hajjah dari kalangan warga Nuklear Malaysia yang menunaikan fardu haji baru-baru ini. Semoga Allah menerima amal ibadah haji yang dilaksanakan dan semoga Dr./Tuan/Puan memperoleh haji yang mabrur, InsyaAllah.

## **PENCAPAIAN SETENGAH TAHUN 2023 NUKLEAR MALAYSIA**

13. Tanpa disedari, kita kini telah melepasi separuh penggal tahun 2023. Masih berbaki kurang 6 bulan sebelum tahun 2023 berakhir. Kita telah mengharungi separuh tahun ini dengan pelbagai cabaran bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Nuklear Malaysia ini sentiasa kompeten dan memenuhi ekspektasi pemegang taruh kita.
14. Terima kasih kepada semua warga Nuklear Malaysia yang sama-sama menggembleng tenaga dan berswadaya memberikan sumbangan dalam setiap inisiatif dan program yang dirancang dan dilaksanakan dengan jayanya. Syabas!

15. Saya berharap agar setiap yang dirancang dan dilaksanakan ini perlu sentiasa dibuat pemantauan dari semasa ke semasa, pelaporan, mengambil nilai tambah dan penambahbaikan agar apa sahaja yang kita laksanakan ini tidaklah terhenti begitu sahaja atau tidak dianggap seperti hanya melepaskan batuk di tangga.

## **PENCAPAIAN/SUCCESS STORY BAB**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

16. Saya percaya kejayaan sesuatu institusi bukanlah hanya semata-mata bergantung kepada banyaknya penyelidikan dan penerbitan yang dihasilkan, tetapi juga bagaimana hasil penyelidikan, kepakaran dan sumber itu dimanfaatkan khususnya kepada komuniti dan untuk kemakmuran negara.
17. Sebagai usaha bagi merealisasikan aspirasi tersebut, dilihat Bahagian Agroteknologi dan Biosains (BAB) terus komited dalam menterjemahkan hasil penyelidikan, kepakaran dan sumber bukan sahaja diperingkat tempatan tetapi juga di peringkat global melalui:
  - a. **Projek kerjasama dengan industri dan agensi luar** dengan menjalinkan kerjasama bersama:
    - i. Syarikat Pertama Padi Sdn. Bhd bagi pengkomersialan padi;
    - ii. Jabatan Pertanian bagi kajian ke atas tanaman pelbagai tanaman tempatan, iradiasi makanan, penentuan ketulenan dan asal-usul tanaman tersebut;



- iii. Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) bagi projek multi-lokasi kenaf mutan.

b. **Perkongsian ilmu dan kepakaran**

18. Bagi memastikan Nuklear Malaysia terus memberi sumbangan yang besar kepada negara, BAB juga tidak ketinggalan dalam menyertai pameran serta pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, serta telah merangkul pelbagai anugerah. Tahniah saya ucapkan kepada BAB di atas:
  - a. Kejayaan Padi NMR 152 yang terpilih untuk dicalonkan ke Anugerah Inovasi Sektor Awam (AIPSA, 2023);
  - b. Best Poster Award di *15th Malaysia International Genetics Congress, 2023* kepada Cik Chong Saw Peng;
  - c. Penganugerahan geran *Strategic Research Fund (SRF)*, MOSTI bagi projek padi mutan;
  - d. Penyertaan Dr. Wan Dalila Binti Wan Chik di dalam "*Nuclear Researchers Exchange Program 2023* di bawah "*Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology– Japan (MEXT)*";
  - e. Penganugerahan *Intellectual Property Commercialization Royalties for Bioliquifert, 2022* kepada Dr. Phua Choo Kwai Hoe dan ahli projek;

- f. Anugerah *Outstanding Woman Researcher in PGPR di 7th Asian PGPR International Conference for Sustainable Agriculture, 2022* kepada Dr. Phua Choo Kwai Hoe; dan
- g. Pingat Perak di *National Innovation & Invention Competition (NIICe, 2022)* kepada Dr. Shaiful Azuar Bin Mohamad.

### **MINGGU SAINS NEGARA (MSN) 2023 - KEGUNAAN AMAN NUKLEAR**

- 20. Pada tahun ini, Penganjuran Minggu Sains Negara (MSN) kembali lagi dengan memfokuskan pelaksanaan program dan aktiviti secara hibrid iaitu menerusi aktiviti jerayawara di seluruh negara dan juga secara dalam talian menerusi laman web dan FB rasmi Minggu Sains Negara.
- 21. Nuklear Malaysia sekali lagi telah diberi mandat oleh MOSTI untuk menjadi agensi peneraju dengan sokongan kerjasama daripada Jabatan Tenaga Atom dan Pusat Sains Negara selaku agensi pelaksana. Bidang fokus yang diberikan adalah “Kegunaan Aman Nuklear” yang mana pengisian program bagi bidang fokus ini telah dilaksanakan sepanjang bulan Jun 2023. Tahniah dan terima kasih kepada Bahagian Pengurus Maklumat (BPM) selaku penyelarass yang telah berkolaborasi bersama rakan strategik bagi menjayakan pengisian beberapa program MSN Nuklear Malaysia ini.

## **MESEJ INTEGRITI : PEMATUHAN WAKTU BEKERJA**

**Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia sekalian.**

22. Disiplin merupakan kunci kejayaan sesuatu pekerjaan. Sebagai seorang penjawat awam yang bertanggungjawab dan berjaya, penting untuk menerapkan sifat disiplin dalam diri semasa menjalankan tugas. Salah satu perkara disiplin yang sangat penting untuk penjawat awam patuhi adalah berkenaan pematuhan terhadap waktu bekerja.
23. Seperti mana yang telah ditetapkan di bawah Perintah Am 5 Bab G-Mematuhi Waktu Bekerja, pegawai hendaklah berada di tempat kerja sepanjang waktu bekerja. Jika terdapat keperluan untuk meninggalkan pejabat pada waktu bekerja atas urusan peribadi, pegawai hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Pegawai Penyelia terlebih dahulu sebelum meninggalkan pejabat dengan menggunakan borang yang disediakan atau melalui aplikasi HRMIS sama ada di laman web HRMIS atau pun aplikasi mudah alih di telefon bimbit masing-masing
24. Kebenaran untuk meninggalkan pejabat ini boleh diberi bagi tujuan menyelesaikan urusan persendirian pegawai yang terpaksa dilakukan dalam waktu bekerja. Akan tetapi, mestilah tidak melebihi 4 jam atau separuh daripada waktu bekerja sehari (tidak termasuk waktu rehat).

25. Oleh itu, saya ingin mengingatkan warga Nuklear Malaysia semua tentang kepentingan menjaga integriti dan disiplin sebagai penjawat awam terutamanya berkenaan pematuhan waktu bekerja.

## **TREND PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK DI NUKLEAR MALAYSIA**

26. Tahukah anda semua bahawa penggunaan tenaga elektrik di Nuklear Malaysia adalah sentiasa meningkat tahun demi tahun dan data terkini kos perbelanjaan bil elektrik yang terpaksa ditanggung Nuklear Malaysia pada bulan Januari hingga Jun 2023 adalah sebanyak **RM3 JUTA**. Betapa tingginya nilai kos ini bukan? Jika dibuat pengiraan, RM3 Juta ini bersamaan dengan **6 buah bas baharu yang dikira RM 500 ribu untuk harga sebuah bas**. Renung sejenak wahai warga Nuklear Malaysia sekalian, dengan keadaan kita sekarang mengalami kekangan yang hanya mempunyai sebuah bas dan telah uzur tetapi kita dapat gantikannya dengan 6 buah bas baharu.
27. Jadi, bagi merealisasikan renungan sejenak kita tadi itu, kita sebagai warga Nuklear Malaysia perlu jadikan aspek kesedaran maksimum dan tanggungjawab dari diri kita sendiri sebagai “acuan” bagi aplikasikan amalan kecekapan dan penjimatan tenaga. Antaranya:
- a. Tutup lampu pada waktu rehat dan sebelum pulang;

- b. Laraskan suhu penyaman udara antara 24 – 25 darjah dan matikan jika tidak digunakan;
  - c. Cabut *plug* apabila peralatan elektrik tidak digunakan bagi jangka masa lama;
  - d. Laraskan peralatan elektrik kepada *save mode* atau *sleep mode* apabila tidak digunakan bagi jangka masa pendek;
  - e. Guna elektrik secara berhemah dan mengikut keperluan sahaja.
28. Ironinya, jika kita konsisten dan disiplin akan tabiat dalam penjimatan ini, secara tidak langsung kita dapat mengurangkan kos perbelanjaan tarif setiap bulan, menambah perspektif “mesra alam” bagi mengurangkan penghasilan gas karbon dioksida dan membantu Kerajaan mencapai hasrat bagi menjimatkan penggunaan bahan api (minyak, gas dan arang batu) yang semakin susut bekalannya di Malaysia.

## **PENUTUP**

29. Mengakhiri ucapan saya untuk kali ini, sekali lagi saya ingin menyeru supaya kita sama-sama bekerja dengan penuh dedikasi sebagai satu pasukan yang mantap serta meningkatkan prestasi demi masa depan organisasi dan negara yang lebih gemilang.

30. Terima kasih kepada penganjur Perhimpunan Bulanan kali ini iaitu BAB. Tidak lupa juga kepada semua warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat dalam menjayakan perhimpunan pagi kali ini termasuklah BKP, UKK, BKT, BKJ dan BST di atas komitmen yang telah diberikan.

**Sekian, terima kasih.  
Wabillahitaufik Walhidayah. Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**